

**ENAKMEN 12 TAHUN 2002
ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (NEGERI MELAKA) 2002**

BAHAGIAN II - PERKAHWINAN

Permulaan Kepada Perkahwinan

Seksyen 20. Tempat perkahwinan

(1) Tiada sesuatu perkahwinan boleh diakadnikahkan kecuali dalam kariah masjid di mana pihak perempuan bermastautin, tetapi Pendaftar atau Hakim Syarie yang memberikan kebenaran berkahwin di bawah seksyen 17 atau 18 boleh memberikan kebenaran untuk perkahwinan itu diakadnikahkan di tempat lain, sama ada dalam Negeri Melaka atau di mana-mana Negeri lain.

(2) Kebenaran di bawah subseksyen (1) bolehlah dinyatakan dalam kebenaran berkahwin yang diberikan di bawah seksyen 17 atau 18.

(3) Walau apa pun subseksyen (1), sesuatu perkahwinan bolehlah diakadnikahkan dalam sesuatu kariah masjid selain kariah masjid di mana pihak perempuan bermastautin jika—

(a) dalam hal perempuan itu bermastautin dalam Negeri Melaka, kebenaran untuk perkahwinan itu diakadnikahkan dalam kariah masjid itu telah diberikan di bawah seksyen 17 atau 18 dan kebenaran untuk perkahwinan itu diakadnikahkan dalam kariah masjid yang lain telah diberikan di bawah subseksyen (1); atau

(b) dalam hal perempuan itu bermastautin dalam sesuatu Negeri, kebenaran untuk berkahwin dan kebenaran untuk perkahwinan itu diakadnikahkan dalam kariah masjid yang lain telah diberikan oleh pihak berkuasa yang hak bagi Negeri itu.
